

TARIKH : 15 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1

Penduduk Malaysia lebih ramai lelaki

Penduduk Malaysia lebih ramai lelaki

Oleh **Rohaniza Idris**
dan **Zanariah Abd Mutalib**
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Jumlah penduduk Malaysia pada 2020 berjumlah 32.4 juta orang, dengan 17 juta atau 52.3 peratus adalah lelaki, manakala wanita 47.7 peratus atau 15.5 juta dengan nisbah jantina adalah 110 lelaki berbanding 100 wanita.

Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 juga menunjukkan semua negeri dan wilayah mempunyai bilangan lelaki lebih tinggi daripada wanita, kecuali Putrajaya yang bilangan wanita melebihi lelaki iaitu 100 wanita bersamaan

dengan 96 lelaki.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika berucap pada majlis perasmian pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan 2020 di sini semalam juga berkata, Purata Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) penduduk Malaysia bagi tempoh 10 tahun lalu adalah 1.7 peratus.

Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan untuk tempoh 2000-2010 adalah sebanyak dua peratus, manakala bagi tempoh 1991-2000 sebanyak 2.6 peratus.

Nasional 2

Umur muda pula menunjukkan penurunan daripada 27.6 peratus pada 2010 kepada 24 peratus pada 2020

Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri

